

10 NOV 1996

Mahathir-majlis

DR M: MASA UNTUK TINGKATKAN KERJASAMA GHANA-M'SIA

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA (Ghana), 10 Nov (Bernama) -- Malaysia, yang telah melatih 45 rakyat Ghana berdasarkan program bantuan teknikal sejak 1981, akan terus membantu Ghana dalam bidang perancangan dan pengurusan ekonomi serta pelaksanaan program pembaharuan ekonominya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini malam ini.

Masanya sudah tiba untuk Ghana dan Malaysia, kedua-duanya bekas tanah jajahan Britain yang mencapai kemerdekaan pada 1957, untuk meluaskan bidang kerjasama mereka yang sebelum ini terjalin dalam bentuk keanggotaan mereka dalam Komenwel, Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kata beliau.

"Sejak beberapa lama, kita telah bekerjasama dalam pertubuhan-pertubuhan ini dalam usaha kita untuk mewujudkan satu masyarakat dunia lebih adil dan baik untuk rakyat kedua-dua negara. Terdapat banyak lagi yang boleh dilakukan oleh kedua-dua negara dengan berkongsi kelebihan yang kita miliki," kata beliau.

Dr Mahathir, yang menamatkan lawatan rasmi empat hari ke sini esok (Isnin), berkata demikian pada satu majlis makan malam negara oleh Presiden Jerry Rawlings untuk meraikan beliau.

Puan Nana Rawlings dan Datin Seri Dr Sti Hasmah turut hadir pada majlis itu.

Dr Mahathir berkata sungguhpun hubungan perdagangan antara Ghana dan Malaysia masih belum mencapai tahap yang sebenarnya, Ghana yang memiliki kekayaan sumber asli serta pengalaman yang dimiliki Malaysia dalam bidang perindustrian akan membolehkan kedua-dua negara untuk menggabungkan kelebihan itu bagi mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang.

"Memandangkan aliran sekarang yang menuju ke arah globalisasi, negara-negara mestilah sentiasa mencari rakan kongsi bagi mengekalkan daya saing mereka," kata Dr Mahathir.

Ghana kaya dengan sumber asli seperti berlian, bauksit dan balak manakala lombong emasnya di Ashanti adalah yang terbesar di dunia.

Dr Mahathir melahirkan keyakinannya kerana Presiden Rawlings telahpun mengamalkan strategi yang betul dan yang diperlukan bagi membolehkan Ghana mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi seperti yang dilakukan oleh Malaysia.

Ghana telah berjaya dalam usahanya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan memperkenalkan pelbagai galakan kepada sektor perniagaan, membuka zon-zon perdagangan bebas dan menetapkan sasaran Wawasan 2020 untuk muncul sebagai sebuah negara peringkat pertengahan.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah menghadapi pelbagai halangan dalam perjuangannya untuk mencapai kemerdekaan ekonomi dan kemajuan ekonominya telah membebaskannya daripada pengaruh kuasa besar.

Beliau memuji Rawlings kerana peranan yang dimainkan oleh Ghana dalam mengusahakan keamanan dan kestabilan di Afrika Barat termasuk menjadi pengerusi Kesatuan Ekonomi Negara-negara Afrika Barat sebanyak dua kali serta membantu menyelesaikan konflik Liberia menerusi Perjanjian Abuja.

Dr Mahathir juga memuji keupayaan tentera Ghana yang menjalinkan hubungan baik dengan tentera Malaysia ketika menjalankan operasi pendamai PBB seperti di Bosnia Herzegovina dan Somalia.

"Saya yakin rasa tanggungjawab kedua-dua negara terhadap kedamaian dan kestabilan antarabangsa akan menyaksikan lebih banyak kerjasama antara kedua-dua negara dalam usaha damai di peringkat antarabangsa pada masa

depan," kata beliau. -- BERNAMA  
RN MZ MAI